

02 AUG 1996

Bendera

TAPAK BANGLO HADIAH PERTANDINGAN KIRA BENDERA

KLANG, 2 Ogos (Bernama) -- Sebidang tanah bernilai RM180,000 untuk tapak banglo menunggu pemenang pertandingan mengira bilangan bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan ke 39 pada 31 Ogos ini.

Tanah seluas 6,000 kaki persegi di Bukit Mahkota, Bangi itu merupakan hadiah utama promosi sambutan Hari Kebangsaan anjuran Kumpulan Lion yang menyumbang tanah itu.

Pengarah Kumpulan Lion Datuk Yahaya Abdul Khalid berkata lima pusat membeli belah milik kumpulan itu iaitu Subang Parade, Klang Parade, Mahkota Parade, Ipoh Parade dan Seremban Parade akan menganjurkan promosi Merdeka dari 16 Ogos hingga 1 Sept ini, masing-masing dengan tema tersendiri.

"Tujuan promosi ini untuk menyedarkan orang ramai terutama golongan remaja supaya bangga menjadi rakyat Malaysia dan cintakan tanah air," katanya pada perasmian Kempen Pengukuhan Mengibarkan Bendera Malaysia sempena Hari Kebangsaan di sini, hari ini.

Kempen itu dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail, yang menyampaikan bendera Malaysia kepada pelbagai persatuan dan pertubuhan termasuk Majlis Belia Selangor yang diterima oleh presidennya, Datuk Abdul Rahman Palil.

Yahaya berkata pengunjung ke semua pusat membeli belah itu hanya perlu mengira bilangan bendera pada sekeping gambar yang disediakan dan menuliskan mesej sebanyak 15 perkataan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada borang yang disediakan.

Zaleha pula berkata mengibarkan bendera Malaysia menzahirkan kecintaan kepada negara dan ia perlulah dilakukan oleh rakyat bukan saja sempena Hari Kebangsaan tetapi juga pada majlis-majlis lain.

"Harga sehelai bendera antara RM10 hingga RM15 sahaja tetapi nilai rasa tanggungjawab dan cinta pada negara dengan mengibarkannya amat besar ertinya," katanya.

Beliau berkata kempen yang dijalankan bersama oleh kementeriannya dengan Kumpulan Lion dan Kelab Cinta Malaysia sejak 1992 telah menunjukkan hasil yang baik dengan semua bangunan dan banyak rumah di bandar-bandar mengibarkan bendera sempena Hari Kebangsaan. -- BERNAMA

MNY MAI